

TARIKH : 27 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Ringgit mengukuh 4.0 peratus bulan ini

Ringgit mengukuh 4.0 peratus bulan ini

Sentimen domestik bertambah baik lonjak mata wang tempatan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Ringgit meneruskan pengukuhan berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dengan kenaikan 4.0 peratus setakat ini pada bulan ini.

Mata wang tempatan itu pada paras RM4.40 sedolar pada 2 Januari lalu sebelum mengukuh kepada sekitar RM4.25 sedolar ketika ini, iaitu paras tertinggi dalam tempoh lebih sembilan bulan.

Pada pagi semalam ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS pada hari dagangan ketiga berturut-turut berikutan jangkaan bahawa Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) Rizab Persekutuan AS akan mengurangkan peningkatan kadar faedah daripada 50 mata asas (bps) kepada 25 mata asas dalam mesyuaratnya pada minggu hadapan.

Ketua Ahli Ekonomi RHB Banking Group, Dr Sailesh K Jha, berkata

ta sentimen domestik berkemungkinan yang terus bertambah baik apabila kerajaan mengumumkan pembaharuan dasar sektor fiskal, inflasi dan infrastruktur akan mengukuhkan ringgit.

Beliau berkata, berdasarkan unjuran ringgit dijangka berada sekitar RM4.45 hingga RM4.55 sedolar pada suku pertama 2023 disebabkan peningkatan deposit mata wang asing kerana perbezaan kadar faedah lebih mengutamakan pegangan dolar AS berbanding ringgit serta peningkatan indeks DXY.

DXY, iaitu indeks (atau ukuran) nilai dolar AS berbanding sekumpulan mata wang asing, yang sering dirujuk sebagai sekumpulan mata wang rakan perdagangan AS.

"Bagi suku kedua 2023 pula, mata wang tempatan akan berada sekitar RM4.35 hingga RM4.45 sedolar. Pemangkin utama adalah kejatuhan deposit mata wang asing kerana perbezaan kadar faedah lebih mengutamakan pegangan ringgit berbanding dolar AS dan kejatuhan indeks DXY.

"Ringgit berbanding dolar AS akan berada sekitar RM4.30 hingga RM4.40 sedolar pada suku ketiga 2023 dan kepada RM4.20 hingga RM4.30 pada suku keempat 2023. Ini disebabkan penurunan dalam deposit mata wang asing, kedudukan BoP yang bertambah baik apabila eksport melantun dan penerimaan

pelancongan bertambah baik seiring dengan aliran masuk modal bersih yang berterusan ke pasaran bon domestik serta kejatuhan berteusan dalam dolar AS," katanya.

Terus aliran kenaikan

AmInvest Research pula berkata, ringgit meneruskan aliran kenaikan harganya apabila ia mengukuh 0.54 peratus kepada RM4.262 sedolar, tahap terakhir dilihat sejak April 2022 apabila dolar AS terus susut.

Katanya, walaupun ringgit lebih lemah berbanding dolar Australia dan rupiah, tetapi lebih kukuh berbanding euro, pound, yen, yuan, dollar Singapura, bath dan peso.

"Kami menjangkakan ringgit akan berlegar antara tahap sokongan pada RM4.220 dan RM4.230 sedolar, manakala lintang pada RM4.290 dan RM4.30 sedolar," katanya dalam nota penyelidikan.

Rakan Pengurusan SPI Asset Management, Stephen Innes pula berkata, di sebalik sekali lagi kelebihan dolar AS dalam mata wang G10, tukaran asing (forex) Asia akan meraih manfaat berikutan kedudukan awal pasaran forex yang lebih luas bagi penurunan kadar faedah oleh FOMC yang dijangka membantu sentimen risiko global.

"Selain itu, pasaran China terus mendahului persaingan dan keadaan ini menyokong pasaran

 Sentimen domestik berkemungkinan yang terus bertambah baik apabila kerajaan mengumumkan pembaharuan dasar sektor fiskal, inflasi dan infrastruktur akan mengukuhkan ringgit

Sailesh K Jha,
Ketua Ahli
Ekonomi RHB
Banking
Group



risiko serantau.

"Sehubungan itu, vendor forex tempatan menetapkan harga dalam ringgit yang kukuh berikutan jangkaan bahawa pengembawa China akan kembali dan penambahbaikan yang berterusan bagi perjalanan antarabangsa," katanya yang dituliskan BERNAMA.

Sementara itu, peniaga ActivTrades, Dyogenes Rodrigues Diniz, berkata Malaysia sudah memperkenan angka kukuh dengan kadar pengangguran pada 3.6 peratus dan inflasi di bawah kawalan pada 3.8 peratus yang menyokong unjuran pasaran tempatan selaku destinasi yang baik bagi pelaburan tempatan.

"Dari sudut teknikal, dolar AS/ringgit menghampiri lingkungan paras sokongan pada 4.2400. Sekiranya harga terabit berjaya melewati sokongan ini, ia boleh merosot kepada 4.1700 dan ia sewajarnya mendapatkan sokongan yang lebih penting," katanya.